



SABTU, 1 FEBRUARI 2014

AL-FATIHAH

Like 2

AL- FATIHAH


Hussien, bekas pejuang Utusan Melayu meninggal dunia

KUALA LUMPUR 31 Jan. - Bekas veteran *Utusan Melayu*, Hussien Jahidin meninggal dunia selepas mengidap lemah jantung dan tekanan darah rendah di Hospital Besar Singapura pada 2.26 petang ini.

Beliau yang penah mengetuai mogok pekerja-pekerja *Utusan* di Singapura selama tiga bulan pada 1961 dikesan menghidap penyakit itu dan dimasukkan ke hospital berkenaan sejak seminggu lalu, meninggal dunia pada usia 81 tahun. Jenazah Allahyarham akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Pusara Abadi pukul 10 pagi esok.

Sementara itu, bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, **Tan Sri Zainuddin Maidin** menyifatkan arwah sebagai seorang yang berani berjuang mempertahankan *Utusan Melayu* sebagai satu-satunya akhbar kebangsaan Melayu yang bebas daripada penguasaan parti politik atau kerajaan.

TAPAI



Dapatkan

Buku Terbaru Hisham, hubungi 012-
664-8873 Hadi

BUKU TERKINI

"Hussien yang ketika itu merupakan wartawan *Utusan* dan menjadi Ketua Parti Rakyat Singapura ditangkap bersama-sama bekas Pengarang *Utusan Melayu*, Said Zahari dan 90 orang pemimpin politik yang pro-komunis dalam *Operation Cold Store* di seluruh Singapura yang merupakan gerakan penangkapan terbesar yang pernah diadakan di pulau itu di bawah Undang-undang Keselamatan Umum.

"Pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar buat negara apabila apabila sanggup berjuang demi anak bangsa walaupun difitnah oleh bekas pengasas dan Perdana Menteri Singapura, Lee Kwan Yew sehingga beliau ditangkap buat kali kedua pada 1976 atas dakwaan cuba menghasut orang Melayu membenci PAP. Namun akhirnya terbukti beliau tidak bersalah," katanya.

Hishamuddin Rais

Keganasan,
Penipuan & Internet
hegemoni media daulah pecah



KEGANASAN, PENIPUAN & INTERNET

(hegemoni media daulah pecah)

Edisi/Cetakan Kedua

Rampaian tulisan-tulisan

Hishamuddin Rais dari Malaysia Kini, Oriental Daily, Malaysia-Today, Suara Keadilan

Lima bulan dari Mei hingga Oktober 2008. Tersenarai 10 buku non-fiksyen tempatan. TERLARIS di toko buku MPH. Masih lagi TOP TEN BEST SELLER hingga kini

Buku boleh didapati di semua kedai-kedai buku Kinokuya, Borders, MPH, Popular Book Store, RiceCooker Annex Central Market atau datang ke Bau Bau Cafe Central Market

Harga: RM30

Atau pesan terus dari 012-664-8873



POSTED BY TUKAR TIUB PADA 12:29:00 PTG

1 ULASAN:

Awanama berkata...

Sedih sungguh menerima berita para pejuang yang meninggal dunia. Sampai masa pergi setelah mendaftar jiwa raga menentang satu bentuk kezaliman. Biasanya orang seperti ini tidak merasa pengiktirafan sewajarnya lalu padam ditelan masa. Namun berita baik yang akan muncul ada anak-anak muda yang mengambil alih untuk menerus perjuangan mereka pada era baru pula. Selamat kembali Sdr Hussien Jahidin.

1 FEBRUARI 2014 12:38 PTG

Catat Komen

Catatan Terbaru

Laman Utama

Catatan Lama

Langgan: Catat Ulasan (Atom)

MENGENAI SAYA

TUKAR TIUB

JELEBU, NEGERI SEMBILAN,
MALAYSIA

Jika ada sebarang pertanyaan, komen, bantahan atau cadangan, sila email kepada tukartiub@gmail.com

LIHAT PROFIL LENGKAP SAYA

ARKIB BLOG